

3767/2
Ekonomi
Kertas 2
2024
2 ¼ jam

NAMA :

TINGKATAN:

**EKONOMI
KERTAS 2
2 ¼ jam
Dua jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini manakala jawapan **Bahagian B** ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
8. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah penuh	Markah diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah			

Modul ini mengandungi **12** halaman bercetak.

Bahagian A**[60 markah]**Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Syarikat Maju Jaya Sdn Bhd ingin mengeluarkan peti sejuk sebanyak 15,000 unit dengan menggunakan teknologi dari negara China supaya dapat meningkatkan persaingan keluarannya.

Jelaskan dua masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan oleh syarikat tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (b) Bagaimanakah ekonomi Islam menjadi sebahagian daripada keseluruhan sistem hidup Islam?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


.....

[3 markah]

- (c) Jadual di bawah menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran terhadap mee kuning.

Harga (RM)	Kuantiti Permintaan		Kuantiti Penawaran
	Individu A	Individu B	
30	100	60	40
40	80	50	70
50	40	30	130

- (i) Dengan menggunakan kertas graf , lukiskan keluk keseimbangan barang tersebut.



[4 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan pada c (i) , jelaskan keadaan pasaran pada ketika harga RM 40.

.....


.....

.....

.....

[2 markah]

(d) Rajah di bawah menunjukkan dua bentuk keluk permintaan.



(i) Jelaskan perbezaan kedua-dua rajah di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(ii) Terangkan penentu keanjalan harga permintaan yang menyebabkan barang pengguna menjadi tidak anjal.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan bank perdagangan.

Encik Afiq mempunyai baki akaun semasa sebanyak RM18,000 di CIMB Bank. Beliau mengeluarkan wang sebanyak RM20,000 untuk membeli stok dan membayar gaji pekerja.

- (i) Nyatakan kemudahan pinjaman tersebut.

.....

[1 markah]

- (ii) Jelaskan kelebihan kemudahan pinjaman di (a)(i)

.....

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan pembelian kredit.



PROTON S70
Intelligence That Evolves, Starting from RM73,800*

Bayaran Pendahuluan :RM10,000

Kadar Faedah : 2.5% setahun

RM73,800

PROTON S70
INTELLIGENCE THAT EVOLVES

5-YEAR WARRANTY UNLIMITED MILEAGE
5-YEAR DATA PACKAGE 1GB/MONTH*
6 TIMES FREE LABOUR SERVICE*
EEV
5-STAR SAFETY RATING

*Terms & conditions apply

Hitungkan ansuran bulanan sekiranya Puan Lim memilih tempoh kredit selama 5 tahun.

[4 markah]

- (c) Muhamad Asrul mendapat keuntungan daripada projek penternakan ikan. Jelaskan strategi simpanan yang boleh digunakan oleh beliau untuk memperolehi pulangan dalam bentuk dividen.

[5 markah]

- (d) Jadual berikut menunjukkan fungsi pengeluaran jangka pendek Syarikat Yong.

Mesin (Unit)	Buruh (Orang)	Jumlah Keluaran (TP) (Unit)	Keluaran Purata (AP) (Unit)	Keluaran Marginal (MP) (Unit)
1	0	0	-	-
1	1	10	10	10
1	2	22	11	Y
1	3	33	X	11
1	4	42	10.5	9
1	5	47	9.4	5
1	6	49	8.17	2
1	7	49	7	0
1	8	46	5.75	-3

- (i) Hitungkan nilai X dan Y.

[2 markah]



- (ii) Pada buruh ke berapakah berlakunya tahap pengeluaran paling cekap? Jelaskan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan suatu ketidakstabilan ekonomi.

KUALA LUMPUR – Indeks Harga pengguna meningkat pada Mei 2024 dengan mata indeks mencatatkan 132.8 berbanding 130.2 pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

Sumber diubah suai: MalaysiaGazette, 03 Ogos

- (i) Apakah situasi ekonomi di atas?

.....

[1 markah]

- (ii) Jelaskan kesan situasi berikut kepada kadar faedah?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(b) Jelaskan kebaikan liberalisasi.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[5 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan perdagangan Malaysia dengan China.

Penunjuk	Eksport	Import
Nilai (RM juta)	90.70	143.39

Sumber: <https://www.matrade.gov.my>

(i) Berapakah nilai imbangan dagangan Malaysia dengan negara tersebut?

.....

[1 markah]

(ii) Berikan justifikasi berdasarkan jawapan anda di (c)(i).

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (d) Maklumat berikut menunjukkan perubahan kadar pertukaran asing antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tarikh	Kadar pertukaran asing
Julai 2023	USD 1 = RM 4.60
Julai 2024	USD 1 = RM 4.58

Encik Ammar mengimport mesin bernilai USD 80 000 pada bulan Julai 2023 dan hanya akan membuat pembayaran pada bulan Julai 2024.

- (i) Hitung jumlah bayaran yang perlu dibuat oleh En Ammar.

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Jelaskan kesan perubahan kadar pertukaran asing tersebut terhadap harga import En. Ammar.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan satu potongan wajib.

3.4 juta ahli KWSP buat pengeluaran akaun Fleksibel

KUALA LUMPUR: Seramai 3.4 juta ahli atau 26.2% daripada jumlah 13.1 juta ahli KWSP di bawah 55 tahun telah membuat pengeluaran daripada Akaun Fleksibel (akaun 3) yang melibatkan jumlah sebanyak RM8.9 bilion.

Sumber diubah suai daripada www.berita.rtm.gov.my, 25 Julai 2024

- (a) Jelaskan jenis potongan wajib tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan tindakan pencarum tersebut pada masa tua.

[7 markah]

- (c) Tindakan pencarum tersebut memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Berikan hujah anda secara terperinci.

[9 markah]

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan dasar kerajaan.

KERAJAAN LAKSANAKAN PENYASARAN SUBSIDI DIESEL DI SEMENANJUNG MALAYSIA PADA 10 JUN 2024

HARGA DIESEL di semua stesen runcit Semenanjung ditetapkan pada kadar **RM3.35 SELITER** mulai **10 Jun 2024**

Seramai **30,000 PEMILIK KENDERAAN** diesel persendirian dari kategori B40 akan **TERIMA RM200** menerusi program **BUDI MADANI, 10 JUN 2024**

Kerajaan dijangka **JIMAT RM4 BILION** setahun hasil penyasaran subsidi diesel

- (a) Huraikan jenis perbelanjaan kerajaan tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan dasar tersebut ke atas golongan B40.

[7 markah]

- (c) Tindakan penjimatan kerajaan tersebut menjamin kesejahteraan negara. Berikan hujah anda secara terperinci.

[9 markah]

6 Petikan berikut berkaitan dengan trend pekerjaan terkini di Malaysia

GIG-TREND-BAHARU-EKONOMI

Pendigitalan platform perniagaan di negara ini turut memberi impak positif dalam mewujudkan peluang kerja baharu. Ekonomi Gig adalah sektor baharu dalam dunia pekerjaan berteraskan platform digital.

Ia membabitkan kepelbagaian aktiviti perniagaan melangkaui e-hailing dan p-hailing seperti perkhidmatan Grab, Food Panda, 'Freelance', penjagaan kesihatan, automotif dan perkhidmatan domestik.

Tidak hairanlah golongan muda kini didapati lebih cenderung kepada ekonomi Gig kerana kebolehan mereka untuk mengendalikan teknologi dapat menyumbang kepada kepesatan ekonomi Gig.

Sumber : diubah suai daripada www.bhrencana@bh.com.my, 1 Februari 2024

- (a) Mengapakah golongan tersebut lebih gemar memilih pekerjaan berkenaan. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan pemilihan pekerjaan tersebut terhadap permintaan barangan. [7 markah]
- (c) Pemilihan pekerjaan tersebut memberi kesan kepada ekonomi negara. Bincangkan. [9 markah]

7 Maklumat berikut berkaitan pelaburan asing.

Longgar syarat tarik pelabur asing teroka industri tani, makanan – MPN

PAGOH: Majlis Pemulihan Negara (MPN) mengesyorkerajaan melonggarkan syarat untuk menarik pelabur asing meneroka industri pertanian dan makanan, selain membawa teknologi baharu ke Malaysia bagi menghasilkan pengeluaran hasil tani yang lebih banyak dan berkualiti.

MPN juga mahu melihat kerajaan memberi lebih tumpuan dan progresif dalam proses pemulihan negara, termasuk menangani isu kenaikan harga barangan makanan ketika ini.

Sumber : diubahsuai daripada www.bharian.com.my, 20 Mei 2022

- (a) Huraikan sektor ekonomi tersebut. [4 markah]
- (b) Jelaskan faedah sosial yang timbul daripada aktiviti tersebut. [7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan tersebut memberi kesan ke atas Ringgit Malaysia. Bincangkan. [9 markah]